

Jumaat, 10 Januari 2020 | 9:06pm



BAWANG merah India dijual dengan harga RM10 sekilogram di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu. NSTP/Nor Fazlina Abdul Rahim

Harga meningkat, peniaga enggan jual bawang merah elak beban pengguna

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim; Tuty Haryanti Ahmad Rodzi; Siti Sofia Md Nasir; Baharom Bakar dan Asrol Awang

bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Peningkatan harga bawang merah yang berlaku di seluruh negara berikutan kekurangan bekalan, menyebabkan ada segelintir peniaga menghentikan penjualannya pada masa ini kerana enggan membebankan pengguna.

Beberapa peniaga di Pasar Chabang Tiga, di Kuala Terengganu, memberi alasan untuk tidak menjual bawang merah walaupun mendapat permintaan daripada pengguna.

Peniaga, Wan Ngah Wan Abdillah, 63, berkata ketidaktentuan harga bawang merah yang berharga antara RM11 hingga RM13 sekilogram berbanding antara RM5 hingga RM7 sekilogram sebelum ini, menyebabkan sebahagian peniaga bertindak tidak menjualnya.

"Berlaku kenaikan harga semua jenis bawang, tetapi kenaikan mendadak harga bawang merah menyebabkan ramai peniaga menghentikan penjualannya.

"Selain harga meningkat, kebanyakannya pengguna di negeri ini hanya membeli antara RM2 hingga RM3 dan bukannya dalam jumlah banyak," katanya ketika ditemui, hari ini.

Semalam, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata pihaknya sedang menyiasat dakwaan bawang merah India dijual sehingga RM24 sekilogram di Pulau Pinang.

Susulan itu, pihaknya sudah mengarahkan penguat kuasa turun ke premis berkenaan bagi mendapatkan maklumat dan penjelasan sebelum mendedahkan hasil laporannya kepada orang ramai tidak lama lagi.

Peniaga barang dapur di Pasar Besar Kedai Payang, Sulong Abidin, 58, berkata kenaikan harga bawang merah sejak akhir tahun lalu menyebabkan dia menghentikan penjualannya.

Katanya, harga seguni bawang merah dianggarkan seberat 4.5 kilogram antara RM45 hingga RM48.

"Selepas proses pembersihan termasuk pembuangan bawang buruk, dalam seguni kita hanya dapat berat bersih dianggarkan empat kilogram," katanya.

Tinjauan di Pasar Chabang Tiga dan Pasar Besar Kedai Payang mendapati, harga bawang besar dijual RM7 sekilogram berbanding antara RM3 hingga RM4.50 sekilogram sebelum ini, manakala bawang besar holland antara RM4 dan RM6 sekilogram, bawang putih (RM9) dan bawang merah (antara RM11 hingga RM13)

Di Kelantan, harga bawang merah masih tidak berubah sejak bulan lalu antara RM10 hingga RM13 sekilogram.

Bawang merah di kedai runcit dijual RM13, manakala di sekitar Pasar Siti Khadijah dan pasar raya pula sekitar RM10 hingga RM12.

Timbalan Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, Azanizam Affendi Juri, berkata setakat ini pihaknya tidak menerima aduan bekalan bawang merah terputus, malah harga bawang juga terkawal sekitar RM10 hingga RM13 setakat ini.

"Kami tidak menerima sebarang laporan harga bawang mahal seperti di Pulau Pinang iaitu RM24. setakat ini bekalan bawang tidak berdepan masalah," katanya.

Di Pahang, harga bawang kecil didapati dijual berbeza di beberapa pasar raya dan kedai runcit di sekitar daerah ini sejak seminggu lalu.

Tinjauan di kawasan Indera Mahkota dan Jalan Kuantan-Gambang, mendapati harga bawang dijual antara RM12 hingga RM18.90 sekilogram berbanding RM9 hingga RM12 pada bulan lalu.

Seorang peruncit dikenali sebagai Ismail, berkata dia terpaksa menaikkan harga bawang kecil RM12 sekilogram berbanding antara RM4 hingga RM6 sekilogram sebelum ini.

Pengguna, Khatijah Mohammad, 56 dari Indera Mahkota Dua di sini pula meminta pihak berkuasa bertindak segera memastikan harga barang bawang kembali stabil.

"Saya bimbang jika tidak dikawal, ia boleh dijual sehingga RM24 sekilogram seperti di Pulau Pinang kerana bawang kecil digunakan sebagai bahan utama dalam masakan," katanya.

Di Negeri Sembilan, harga bawang kecil di beberapa kedai runcit dan pasar raya dijual antara RM10 sehingga RM14 sekilogram.

Suri rumah, M Devi, 41, berkata sebelum ini dia membeli bawang dalam kuantiti yang banyak, tetapi hanya membeli kira-kira 500 gram saja selepas harganya meningkat.

"Saya banyak menggunakan bawang besar kerana harganya masih murah iaitu kira-kira RM4.50 sekilogram," katanya.

Peniaga makanan, Abdul Rahim Hamad, 54, berkata sejak dua bulan lalu dia tidak menggunakan bawang kecil dari India untuk memasak lauk dijual.

"Saya akur dan lebih banyak menggunakan bawang Pakistan walaupun kualiti tidak baik berbanding bawang India," katanya.

Di Pulau Pinang, tinjauan di pasar sekitar Georgetown dan Seberang Jaya mendapati tiada bawang merah India dijual sehingga RM24 sekilogram seperti didakwa, sebaliknya harga jualan pada kadar RM9 hingga RM18 saja.

Peniaga, Roslan Chik, 42, berkata beliau menjual bawang merah pada harga RM10 sekilogram kerana menerima harga tinggi daripada pemborong.

Pengguna, Hasnah Mohd Taib, 52, pula berkata beliau akan membandingkan harga bawang merah di beberapa tempat sebelum membelinya.

"Sejak bulan lalu saya membeli bawang di banyak tempat dan bukan di pasar berdekatan rumah seperti sebelum ini," katanya.